

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

Selawat Tafrijiyah

OLEH: WAN ANISHA BINTI WAN MOHAMMAD

✦ Lafaz dan Makna Selawat Tafrijiyah ✦

Selawat Tafrijiyyah

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً، وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
تَنْحَلُّ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكَرْبُ
وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ
وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ
بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ
بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

Ya Allah! Limpahkanlah rahmat yang sempurna, dan berilah kesejahteraan yang sempurna kepada junjungan kita Nabi Muhammad saw, yang menjadi sebab terlepasnya sesuatu yang masih mengalami jalan buntu, dan terbukanya kesempitan, serta didatanginya semua hajat, dan diperoleh semua pemberian, serta Husnul Khatimah (sempurna akhir hayatnya), dan diturunkan siraman mendung hujan lantaran keagungan Baginda.

(Dan limpahkanlah rahmat dan salam) kepada keluarga baginda dan sahabat di dalam setiap kerlipan mata dan nafas dengan bilangan semua yang diketahui oleh-Mu, wahai Zat yang menguasai seluruh alam".

Sumber-

<https://bidadari.my/selawat-tafrijiyah/>
<https://sedekahmuslim.com/orang-yang-bakhil-disisi-allah-swt/selawat-tafrijiyyah/>

Selawat Tafrijiyah

✦ Apa itu Selawat Tafrijiyah ✦

Selawat Tafrijiyah juga disebut sebagai Selawat Nariyah atau Selawat Kamilah yang membawa erti sempurna atau terbuka sehingga menjadi lapang. Harapnya, jika selawat ini diamalkan, ia dapat menghilangkan kesempitan yang kita hadapi dengan izin Allah SWT. Selawat tafrijiyah memang sarat dengan doa yang kita mohon kepada Allah SWT agar dilapangkan dari kesempitan, dicapainya segala hajat dan juga diberi husnul khatimah.

✦ Kelebihan Mengamalkan Selawat Tafrijiyah ✦

Allah swt memerintahkan kita berselawat kepada Junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Malah, banyak kelebihan yang kita peroleh daripada amalan selawat.

Namun bagi selawat tafrijiyah, seperti mana maksudnya iaitu sempurna atau terbuka sehingga menjadi lapang, maka selawat ini ibarat satu doa yang kita panjatkan kepada Allah swt agar dapat mengeluarkan kita daripada kesempitan yang kita hadapi.

Selawat tafrijiyah ini juga mengandungi banyak doa yang kita panjatkan kepada Allah swt. Sememangnya ia suatu selawat yang baik untuk kita amalkan.

Selawat tafrijiyah mengandungi banyak doa kepada Allah swt agar kita diberi kelapangan, dipenuhi segala hajat, diberi pengakhiran hidup yang baik serta ucapan selawat kepada Nabi saw serta keluarga Baginda agar mereka dilimpahkan rahmat serta kesejahteraan yang sempurna daripada Allah swt.



Kelana ilmu si fakir yang faqih: Imam Syafie'

Penyunting: Syarifah Adilah MY

1922M

Kerajaan Bani
Uthmaniah

1258M

Kerajaan
Bani
Abbasiyah

750M

Kerajaan Bani
Mu'awiyah

● Imam Malik, (713-798 M)

● Imam Abu Hanifah
(699M-767M)

661M

632M

Khalifah Ar-Rasyidin

Abu Bakar As-Siddiq
Umar Al-Khattab
Uthman Ibnu Affan
Ali Abu Talib

Hadits itu bersumber dari Abu Hurairah RA yang meriwayatkan sabda Rasulullah SAW sebagai berikut,

إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

"Sesungguhnya Allah mengutus kepada umat Islam, setiap seratus tahun, seorang yang memperbaharui untuk mereka (interpretasi) ajaran agama mereka." (HR Abu Daud)

Mujaddid islam 100 tahun pertama ialah Umar Abdul Aziz, manakala 100 tahun kedua ialah Iman Syafie'

- Imam Ahmad ibn Hambal

767M bersamaan **150H**

tahun kelahiran Imam asy-Syafi'i di wilayah Gaza, Palestin. Nama sebenar ialah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Syafi'i bin as-Sayb bin 'Ubayd bin 'Abdu Yazid bin Hasyim bin al-Muttalib bin 'Abdu Manaf.

Beliau dibawa ke kota **Mekah** bersama ibunya dari kecil sebagai anak yatim dan dibesarkan dan hidup dalam kemiskinan. Namun pada usia 7 tahun beliau berjaya menghafaz isi al-Quran, kitab al-Muwatta' karangan Imam Malik pada usia 10 tahun dan seawal usia 15 tahun dibenarkan berfatwa oleh gurunya Muslim bin Kholid az-Zinji (Mufti Mekah).

Setelah itu beliau berkelana ke **Madinah** untuk menuntut ilmu dengan Imam Malik. Kemudiannya, berkelana ke **Baghdad** untuk menyambung pelajaran di bawah Imam Muhammad bin al-Hassan asy-Syaibani (rakan seperjuangan Imam Abu Hanifah. Di sana juga beliau mendirikan mazhab fiqhnya yang pertama (dikenali al-Mazhab al-Qadim). Namun di sebabkan keadaan meruncing dan penyiksaan menjadi-jadi gara-gara isu ke-Qadim-an al-Quran. Beliau dan Imam Ahmad bin Hanbal bersepakat untuk berpisah dan membawa haluan sendiri. Imam asy-Syafie' berhijrah ke Kaherah manakala Imam Ahmad bin Hanbal kekal di Baghdad, Iraq.

Di **Kaherah** dalam masa berselang 4 tahun, beliau menyunting mazhab keduanya yang baru (dikenali al-Mazhab al-Jadid) yang dimanifestasikan dalam 7 jilid karya beliau di panggil sebagai *Kitab al-Umm*.

Kelana ilmu ke Madinah

Perjalanan ilmu Imam Syafie' ke Madinah dipertemukan dengan seorang lelaki mulia yang sedang duduk dengan penuh sopan cukup untuk memperlihatkan tahap kehormatannya sedang dikelilingi sekumpulan manusia di satu sudut masjid an-Nabawi. Telinga mereka dipasangkan penuh khuyusuk menangkap rangkap-rangkap kata yang keluar mengalir dari bibir lelaki itu. Wajahnya bersinar cerah dari kalbunya. Pakaiannya sederhana, bahagian bawah badan ditutup dengan sehelai kain, dan bahagian atas tubuhnya ditutup dengan sehelai kain lain. Lelaki mulia ini ialah Imam Malik, ulama paling terpelajar di Madinah pada masa itu.

Daya ingatkan yang menakjubkan

Setiap kali Imam Malik meriwayatkan sepotong hadis, Imam Syafie' akan membasahkan sejurai jerami dengan bibirnya dan menulis di tapak tangannya. Imam Malik melihat perbuatan itu tetapi tidak menegurnya sehinggalah majlis ilmu tamat dan Imam Syafie' kekal duduk dan tidak bersurai seperti yang lain. Imam Malik bertanya "Kamu ini dari Tanah Haram bukan?" dan diiyakan oleh Imam Syafie'. Kemudian beliau berkata "Dengan berkat Allah, dapat aku cerap kamu mempunyai kesemua sifat luhur dan murni. Namun sayang, ada perilakumu memperlihatkan kekurangan akhlak dan memalukan". Ia merujuk kepada perbuatan yang tidak menumpukan perhatian tetapi bermain-main dengan juraian jerami. Dijawab Imam Syafie' perbuatan tersebut bukan main-main malahan untuk tujuan mencatat pelajaran yang disampaikan agar dapat diingati dan tidak mudah lupa memandangkan Imam Syafie' seorang yg fakir tidak memiliki apa-apa untuk menyalin dan menulis, itu sahajalah yang dapat diusahakan. Imam Malik membalas "Tiada tanda-tanda tulisan pun" selepas menarik tangan Imam Syafie' dekat padanya. Berkata Imam Syafie' **"Disebabkan aku tidak memiliki dakwat, aku hanya mampu basahkan jerami dengan bibirku, maka sebab itu tiada tulisan di telapak tanganku kerana semuanya telah meringkai dan sirna dari pandangan. Namun begitu, atas rahmat dan kurnia Allah, aku telah menghafaz kesemua hadis yang baru diriwayatkan tadi."**

Kelana ilmu ke Kufah

Perjalanan ilmu Imam Syafie' ke Kufah diketemukan dengan 2 imam besar yang merupakan anak murid Imam Abu Hanifah iaitu, Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad. Setelah kejadian soalan yang menduga dan ujian bertulis ke atas Imam Syafie' pada pertemuan pertama mereka itu beliau dijemput menjadi tetamu Imam Muhammad. Beliau menelaah kitab *al-Awsat* karangan Imam Abu Hanifah dan membetulkan fatwa Imam. Seterusnya beliau meneruskan perjalanan ilmu dari Kufah ke kota Baghdad dan di sana bertemu Khalifah Harun ar-Rasyid.

Pemuda biasa yang dahagakan ilmu

Seorang pemuda yang berang ditegur Imam Syafie' tentang solatnya mengadu kepada Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad. Sebaik kedua Imam itu masuk ke masjid melihat Imam Syafie' sebagai anak muda yang biasa, ia meminta pemuda tadi memanggil Imam Syafie' datang kepadanya. Pelawaan pemuda tadi dijawab Imam Syafie', **"Pergilah khabarkan kepada mereka bahawa orang yang kehausan ilmulah yang mesti datang kepada sumbernya, bukan ilmu yang datang mengalir kepada orang yang dahaga."** Setelah kedua Imam datang menyapa dan disambut mesra Imam Syafie' mengaku telah berguru dengan Imam Malik di Madinah dan diberikan soalan bertulis berkenaan dengan persoalan bersuluhkan al-Quran, as-Sunnah dan Ijma'. Akhirnya beliau menjadi tetamu Imam Muhammad di Kufah dan menelaah ilmu dengannya.



اَبُو بَكْرٍ سَيِّدِي نَبِيُّكُمْ لَوْ كُنِيَ مَرَاتًا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004